

Projek PLSB Sungai Golok fasa dua akan disegerakan

Kerajaan negeri diminta percepat pengambilan tanah tangani masalah banjir

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Pasir Mas: Kerajaan akan menyegerakan pelaksanaan fasa dua Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok bagi menangani masalah banjir di Kelantan, terutama kawasan sekitar Rantau Panjang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pada masa sama pihaknya meminta kerajaan negeri mempercepatkan proses pengambilan tanah.

“Projek PLSB Sungai Golok mengikut perancangan mengambil masa beberapa tahun, namun kita akan menyegerakan projek berkenaan secepat mungkin dan dijangka fasa dua akan dimulakan Januari depan.



Peniaga membersihkan premis selepas air mulai surut di Rantau Panjang, Kelantan. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

“Kita terpaksa mengambil langkah segera untuk fasa dua bagi mengurangkan tekanan banjir, terutama di Rantau Panjang yang berdepan banjir sehingga empat kali setahun,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Lati, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud dan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Ditanya sama ada projek ber-

kenaan bermasalah memandangkan Rantau Panjang sering berdepan banjir teruk sejak ia dimulakan, Anwar berkata, projek berkenaan masih berjalan.

“Projek PLSB Sungai Golok belum selesai. Perlu faham fasa pertama membabitkan tebing dan selamatkan kawasan sebelah kanan. Sebab itu kita mahu menyegerakan fasa dua supaya boleh selamatkan Rantau Panjang,” katanya.

RM6 juta atasi benteng pecah

Sementara itu, mengulas berhubung benteng projek PLSB

Sungai Golok yang pecah sehingga 20 meter itu, Anwar berkata kerajaan meluluskan peruntukan segera RM6 juta bagi membina tiga alur limpah.

Katanya, projek pembinaan itu akan dilakukan segera dengan setiap satu alur limpah bernilai RM2 juta.

“Untuk benteng yang pecah kita tidak tahu apa punca, namun ada cadangan supaya membina benteng sementara dan tiga alur limpah termasuk di lokasi benteng yang pecah. Kita sudah meluluskan peruntukan berkenaan,” katanya.